

1. "Antara faktor yang menyebabkan _____ sesuatu perniagaan ialah ketidakcekapan _____," kata pensyarah itu.

- ☐ A kejatuhan
- ☐ B penurunan
- ☐ C kehancuran
- ☐ D pengurangan

2. Negeri Kelantan sangat terkenal dengan _____ makanan tradisionalnya seperti budu dan keropok lekor.

- ☐ A keenakan
- ☐ B keindahan
- ☐ C kehalusan
- ☐ D keharuman

3. Beberapa buah keluarga miskin dan berpendapatan rendah telah menerima _____ kewangan daripada pihak kerajaan.

- ☐ A bantuan
- ☐ B sokongan
- ☐ C cadangan
- ☐ D bimbingan

4. "Ibu, izinkan _____ pergi ke perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran," kata pasangan kembar itu kepada Puan Isya.

- ☐ A kita
- ☐ B kami
- ☐ C daku
- ☐ D saya

5. "_____ akan memastikan kebajikan rakyat di negeri ini terpelihara," titah Sultan Alam Syah.

- ☐ A Beta
- ☐ B Kami
- ☐ C Patik
- ☐ D Hamba

6. "Lama betul _____ tidak bertemu sejak awak menyambung pelajaran ke luar negara," kata Yusri kepada Ahmad.

- ☐ A kita
- ☐ B saya
- ☐ C kami
- ☐ D kamu

7. "_____ hanya menyanggah sultan yang zalim," kata Hang Jebat kepada Hang Tuah.

- ☐ A Beta
- ☐ B Patik
- ☐ C Daku
- ☐ D Hamba

8. "Datanglah menyaksikan pertandingan ini nanti dan berikanlah sokongan kepada pasukan _____," kata pengetua kepada murid-murid.

- ☐ A kita
- ☐ B kami
- ☐ C saya
- ☐ D mereka

9. Para penduduk kampung berkumpul di padang _____ kerana mereka akan mendengar ucapan daripada ketua kampung.

- ☐ A itu
- ☐ B situ
- ☐ C sini
- ☐ D sana

10. "Selamat pagi, tuan. _____ hendak melaporkan suatu kes pecah masuk yang berlaku pada malam tadi," kata Kumaresan dan Chia Long kepada pegawai polis itu.

- ☐ A Kita
- ☐ B Saya
- ☐ C Kami
- ☐ D Mereka

11. Pelancong asing dari Jepun itu menggunakan khidmat _____ untuk membantunya menterjemahkan bahasa.

- ☐ A jurubahasa
- ☐ B juruhebah
- ☐ C juruacara
- ☐ D jurunikah

12. "Usah risau, kami akan menolong kamu sekiranya kamu memerlukan _____ bantuan," kata Hamid dan Johan kepada Gopal.

- ☐ A sesiapa
- ☐ B apa-apa
- ☐ C siapa-siapa
- ☐ D mana-mana

13. Pengetua memuji keberanian Kamil yang bergadai _____ untuk menyelamatkan seorang kanak-kanak yang hampir lemas semasa mandi di lombong itu.

- ☐ A jiwa
- ☐ B harta
- ☐ C nyawa
- ☐ D semangat

14. Pihak kerajaan sedang mempergiat kawalan keselamatan di kawasan _____, negara _____ daripada diceroboh oleh pendatang tanpa izin.

☐ A zon
☐ B tebing
☐ C wilayah
☐ D sempadan

15. Anggota Kadet Remaja itu terpaksa bermalam di dalam hutan kerana _____ gagal mencari jalan keluar.

☐ A dia
☐ B awak
☐ C kamu
☐ D mereka

16. Kota A' Famosa menjadi _____ kemegahan masyarakat di negeri Melaka sejak kejatuhan Portugis pada suatu masa dahulu.

☐ A jejak
☐ B slogan
☐ C lencana
☐ D lambang

17. "_____ yang mempunyai masalah kesihatan dikecualikan daripada menyertai larian maraton," kata Cikgu Rosli kepada murid-muridnya.

☐ A Siapa
☐ B Sesiapa
☐ C Apa-apa
☐ D Mana-mana

18. Setelah mengikuti kelas bermain alat muzik sejak beberapa bulan yang lalu, adik begitu cekap menekan-nekan mata _____ itu.

☐ A gitar
☐ B tabla
☐ C gong
☐ D piano

19. "Berehatlah dahulu jika _____ berasa letih kerana perjalanan kita masih jauh," kata Said kepada Musa.

☐ A kita
☐ B kami
☐ C anda
☐ D kamu

20. "Ini sepupu saya, Haikal dan Hakimi. _____ baru berpindah ke sini," kata Naufal kepada Vincent.

☐ A Dia
☐ B Saya
☐ C Kalian
☐ D Mereka